NAZMUL MAQULAT

نظم المقولات

HIMPUNAN MANZUMAT PENGENALAN MAQULAT

BABA LI CHAIYA

PENTERJEMAH

ALWI RADHIAH

NAZMUL MAQULAT

Cetakan Pertama, 2016

NAZMUL MAQULAT

BABA LI CHAIYA

PENTERJEMAH

ALWI RADHIAH

NAZMUL MAQULAT

Cetakan Pertama, 2016

ISBN: 978-967-13826-5-3

Diterbitkan Oleh

BAYTUL HIKMA™

(PG0378209-M)
Pulau Pinang, Malaysia
www.baytulhikma.my
baytulhikmaresources@gmail.com
www.facebook.com/BaytulHikmaMalaysia
+6013-218 1421

KANDUNGAN

TRANSLITERASI

Arab	Rumi	Arab	Rumi
ء	*’*	ض	*ḍ*
ىٰ، ا	*a, ā*	ط	*ṭ*
ب	*b*	ظ	*ẓ*
ت	*t*	ع	*‘*
ث	*th*	غ	*gh*
ج	*j*	ف	*f*
ح	*ḥ*	ق	*q*
خ	*kh*	ك	*k*
د	*d*	ل	*l*
ذ	*dh*	م	*m*
ر	*r*	ن	*n*
ز	*z*	هـ	*h*
س	*s*	ة	*h, t*
ش	*sh*	و	*u, ū*
ص	*ṣ*	ي	*y, ī*

KATA PENGANTAR

Bismillāhirraḥmānirraḥīm. Segala puji hanya bagi Allah yang menciptakan segala jauhar. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad yang padanya terzahir sebaik-baik arad.

Bershukur kepada Allah yang dengan izin-Nya tercetaklah buku terbaharu ini. Buku ini berjudul *Nazmul Maqulat,* yakni satu kitab kecil mengenai ilmu maqulat.

Kitab ini dikarang oleh Baba Li Chaiya dalam bahasa Arab, kemudian diterjemah oleh sahabat saya saudara Yusra Hulaimi yang menggunakan nama pena Alwi Radhiah. Tahniah saya ucapkan atas terjemahan ini.

Seperti yang sedia maklum, Baytul Hikma ingin membangunkan sebuah institusi ilmu dan amal yang berwibawa, maka tidak dapat tidak wajiblah disusun dan diajarkan ilmu-ilmu yang menjadi dasar bagi segala ilmu, dikenali juga sebagai ‘ilmu alat’.

Sebelum ini Baytul Hikma telah menerbitkan terjemahan *Matan Isaghuji* dalam bidang mantiq, kitab ini diterjemah oleh saya sendiri. Kemudiannya sahabat saya saudara Ahmad Syaibani Ramli telah menterjemah sebuah kitab mengenai ilmu ‘ummahatul matalib’ dengan judul *Peringatan Buat Penuntut,* ianya salah satu cabang ilmu mantiq. Dan kini, satu lagi cabang ilmu alat dibawakan oleh Baytul Hikma melalui terjemahan Nazmul Maqulat.

Secara mudahnya, ilmu maqulat ialah ilmu mengenai apa yang terhasil di minda setelahmana akal merenung sesuatu yang wujud. Hasil awalnya dinamakan Akalan Pertama *(al-ma‘qūlāt al-’ūlā),* di sinilah letaknya konsep *al-maqūlāt.* Adapun akalan atas akalan, ia dinamakan Akalan Kedua *(al-ma‘qūlāt al-s̈āniyah),* sama ada ianya *falsafiyyah* atau *manṭiqiyyah.*

Semoga penerbitan buku ini dapat memberikan pencerahan dan kesedaran kepada kita semua mengenai pemurnian dan penyusunan semula ilmu-ilmu, kerana, sebahagiannya sudah tercemar dengan unsur-unsur negatif yang merosakkan nilai dan peradaban sesuatu masharakat.

Saya juga berharap dengan penerbitan karya-karya sebegini, akan lahir lebih ramai ilmuwan dan amalwan yang sedar akan tanggungjawab mereka untuk membina kembali sebuah ketamadunan yang cemerlang dalam aspek spiritual dan fizikal, insha-Allah.

Naseer Sobree
Pengasas-Pengarah,
Baytul Hikma

Bismillahirrahmanirrahim

Buku ini dimulakan dengan dengan nama Allah yang segala pujian yang wajar lagi hanya layak bagi-Nya, dipanjatkan kepada Tuhan sekalian yang diciptakan. Yang menjadikan segala sesuatu menurut kehendak-Nya yang tidak terikat kerana takluk kekuasaan-Nya atas segala-galanya. Selawat serta salam kepada ar-Rasul Muhammad, rahmat buat sekalian alam dan sekalian makhluk. Dan salam sejahtera ke atas sekalian ahli keluarganya dan setiap insan yang mazahir mereka itu akan perihal agama. *Ammā ba'd.*

Maka inilah sebuah matan yang membicarakan ilmu al-Maqūlāt. Dinyatakan di dalamnya bagi para pengkaji hakikat segala mawjudat.

PENDAHULUAN

BIOGRAFI RINGKAS PENGARANG ASAL

Nama sebenar beliau ialah Rusli bin Muhammad bin Yunus. Diberi gelaran penghormatan Baba Li Chaiya kerana dilahirkan di Chaiya (berada di dalam wilayah Songkhla, Thailand) dan juga bergiat hebat di tempat kelahirannya. Tempoh hidup beliau adalah sekitar dari hujung kurun ke-19 hingga ke pertengahan kurun ke-20.

Sepertimana kebanyakan ulama' nusantara yang lain, beliau mendapat pendidikan agama di tanah suci Mekah. Susur galur pendidikan beliau bersambung daripada Tok Guru Bermin Fatani. Tok Guru Bermin pula merupakan anak murid kepada Syeikh Ahmad Muhammad Zain al-Fatani dan teman seperguruan Tok Kenali. Dan legasi Baba Li Chaiya sedang diteruskan oleh Baba Azhari yang kini menetap di Gulau, Kedah.

CATATAN TERJEMAHAN

Untuk usaha terjemahan bawah mauduk ini, saya telah memilih matan asas yang berjudul *"Naẓm al-Maqūlāt"* yang dikarang oleh Baba Li Chaiya atau Syeikh Rusli Ibnu Muhammad bin Yunus. Matan pilihan ini tidak pernah diterbitkan dengan terbitan rasmi. Begitulah sekurang-kurangnya dapatan saya dan kerana inilah usaha penerbitan terjemahan ini digiatkan.

Tambahan pula, hakikat bahawa matan ini digunakan secara meluas sebagai salah satu sukatan mata pelajaran dalam kebanyakan pondok adalah memadai untuk meletakkannya sebagai matan yang sahih dan wajar untuk dipelajari. Dan inilah kepentingan yang ingin saya utamakan.

Berkenaan kedudukannya dalam ilmu Maqulat, matan ini disusun dalam bentuk syair Arab pendek. Gaya karangannya mempamerkan ciri-ciri ringkas yang nyata, bermakna ia sememangnya dikarang sebagai pengantar. Justeru, saya memilihnya sebagai bahan terjemahan sesuai dengan usaha memperkenalkan ilmu al-Maqulat kepada masyarakat awam.

Kaedah yang digunakan dalam usaha penterjemahan ini tidak tertakluk kepada mana-mana kaedah piawai. Bermakna kaedahnya sedikit sebanyak ialah gaya bebas. Pun begitu, untuk menjadikannya tersusun dan bersistem, saya telah menterjemahkan matan ini dengan beberapa piawaian yang saya gariskan sendiri.

Pertamanya, saya telah menterjemahkannya ke dalam bentuk yang paling hampir kepada maksud literalnya dalam bahasa Arab – dengan mematuhi seboleh mungkin sintaks Arabnya – agar memudahkan pembaca untuk menuruti dan memadankan perkataan Arab dengan makna Melayunya. Selain itu, kaedah ini juga membenarkan pembaca untuk menjadi lebih kritikal terhadap kaedah penterjemahan saya.

Namun kaedah penterjemahan secara terus sebegini sudah tentu menimbulkan komplikasi pemahaman akibat daripada sistem tatabahasa Bahasa Melayu dan Bahasa Arab yang berbeza. Oleh hal yang demikian, saya menyertakan beberapa penambahan perkataan yang saya fikirkan sesuai dalam kurungan "(...)" bagi merujuk kepada makna yang dimaksudkan oleh perkataan-perkataan yang digunakan dalam matan, dan tanda "[...]" bagi melengkapkan tatabahasa menurut pertimbangan Bahasa Melayu yang membantu untuk mengekalkan keabsahan maknanya.

Sebagai tambahan, dalam tradisi falsafah dan ilmu kalam Islam, para ahli falsafah dan mutakallimun berbeza pendapat dalam kebanyakan istilah-istilah penting dalam perbahasan al-Maqulat. Dan matan ini tidak terkecuali daripada terdedah kepada perbezaan-perbezaan tersebut. Akan tetapi, saya tidak memperuntukkan usaha untuk menjelaskan perbezaan-

perbezaan tersebut kerana matan ini dikarang oleh seorang mutakallim. Justeru, sebarang istilah yang terdapat perbezaan pendapat antara failasuf (disebut hukama' dalam matan ini) dan mutakallimun dalam maknanya, melainkan dinyatakan oleh pengarang sendiri di dalam matan ini dan jika menjadi keperluan, adalah secara lazimnya difahami dari sudut pandang mutakallimun.

Secara keseluruhannya, saya telah berusaha menterjemahkan matan ini dengan sebaik-baik usaha yang saya mampu. Sebarang kekurangan yang terdapat dalam terjemahan matan ini adalah kekurangan dari pihak saya dan bukan daripada matan asal. Adalah harapan saya agar terjemahan ini mampu menyampaikan kefahaman yang tepat dengan kandungan matan asalnya selain juga menjadi pencetus kecil kepada usaha menggiatkan semula tradisi keilmuan Islam. Wallāhu a'lam.

ISTILAH ILMU AL-MAQULAT

Al-Maqūlāt mendapat ilham namanya daripada perkataan Greek *kategoria*, yang bermaksud predikat (*predicate* dan *predication*). *Al-Maqūlāt* pula bermaksud "yang diungkapkan". Perkataan yang sama, iaitu *kategoria*, mengilhamkan nama *Category* untuk disiplin yang sama dalam bahasa Inggeris.

Ianya sebegitu adalah bersempena kaedah yang digunapakai oleh Aristotle dalam menyusun ilmu ini, kemudiannya dikekalkan oleh hukama' Islam akan kaedahnya pada namanya.

Kaedah Aristotle mengkaji hakikat segala mawjud dengan mula-mula mengkaji ungkapan-ungkapan (مقول pl. مقولات) manusia. Ini kerana sebahagian besar ungkapan manusia mengalamatkan (*predicates*) perkara-perkara yang diperhatikannya.

Dengan cuba meneliti jenis-jenis ungkapan dan mengkelaskannya, Aristotle berhasil menyingkap hakikat

segala mawjud – hakikat yang mendasari ungkapan-ungkapan tersebut. Dengan mengkelaskan ungkapan-ungkapan, beliau mengkelaskan segala mawjudat.[1]

Daripada kaedah Aristotle inilah maka disiplin ilmu al-Maqulat dinamakan sedemikian. Kerana ia mengkaji mawjudat berdasarkan ungkapan-ungkapan.

ILMU AL-MAQULAT DAN AL-HIKMAH

Al-Ḥikmah adalah suatu ilmu yang mengkaji hakikat segala sesuatu perkara yang mawjud, iaitu kelakuannya yang sebenar sekadar kemampuan manusia.

Perkara yang mawjud pula terbahagi kepada dua: sama ada wujudnya itu dengan jalan *wājib* (mesti) – iaitu Tuhan – atau sekadar *mumkin* (mungkin) – boleh jadi ia wujud dan boleh jadi ia tidak pernah hadir untuk wujud.

Jika sesuatu cabang ilmu itu mengkaji kedua-dua wujud yang wajib dan mumkin, maka dinamakan sebagai *al-Umūr al-'Āmmah*. Jika ia mengkaji mawjud yang wajib sahaja, maka ia dinamakan sebagai *al-'Ilm al-Ilāhī*. Manakala, jika sesuatu cabang ilmu itu mengkaji mawjud yang mungkin, maka ia dinamakan *al-Maqūlāt*.[2]

RUANG PERHATIAN ILMU AL-MAQULAT

Kehidupan manusia sentiasa dikelilingi oleh objek-objek yang memberi maklumat kepada pancaindera, sekaligus memberi bentuk terhadap pengalamannya. Dan dalam mengalami objek-objek di sekelilingnya, manusia melakukan renungan ke atas objek-objek tersebut – sama ada secara sedar atau tidak. Di peringkat pertama, perkara yang diberikan perhatian oleh akal

---

1 John A. Vella, Aristotle*: A Guide for The Perplexed* (London: Continuum International Publishing Group, 2008), p. 33.

2 Qutb al-Din al-Razi, *Sharḥ al-Maṭāli'* (Qum: Manshurat Dhawil Qurba, 2012), pp 25-26.

ialah tabiat kewujudan objek-objek tersebut. Kemudian dalam kegiatan renungan itu, akal secara sendirinya akan mencerakinkan objek-objek tersebut kepada beberapa konsep abstrak iaitu *jawhar (substance)* dan *'araḍ (accident)*. Dan konsep-konsep inilah yang dinamakan sebagai al-Maqūlāt. Maka, al-Maqūlāt ialah dapatan pertama hasil daripada kegiatan akal, lalu ia dikenali sebagai *al-Ma'qūlāt al-Ūlā*. (Renungan Pertama / *Primary Intelligibles*).

Konsep-konsep ini membentuk sebahagian binaan kefahaman manusia tentang tata dan tabiat kewujudan objek-objek di sekelilingnya. Dan konsep-konsep yang digiatkan oleh akal inilah yang menjadi bahan mentah bagi proses penaakulan seterusnya yang lebih mendalam – iaitu penaakulan peringkat kedua. Dan dapatan di peringkat kedua tersebut dinamakan sebagai *al-Ma'qūlāt al-Thāniyah* (Renungan Kedua / *Secondary Intelligibles*).[3]

Sebagai contoh apabila seseorang melihat sebuah kerusi, kerusi tersebut merupakan objek yang sedang dialaminya. Ketika kerusi itu memberi bentuk terhadap pengalamannya, akal giat mencerakinkannya menjadi konsep-konsep yang membentuk kefahaman berkenaan tabiat kewujudannya. Kemudian kefahaman tentang tabiat kewujudan kerusi tersebut dimanfaatkan pula dalam kegiatan berfikir di ketika yang lain – peringkat kedua – untuk memahami perkara yang lebih mendalam.

Dalam hal ini, akal mencerakinkan kerusi kepada "zat atau diri kerusi" *(jawhar)* – iaitu jisimnya – dan "kelakuan atau keadaan" (*'araḍ*) yang ada pada kerusi tersebut – seperti contoh warnanya. Kemudiannya, konsep asas yang didapatkan oleh akal – iaitu konsep "hijau" yang ada pada kerusi – menjadi tapak kepada pemerolehan *al-Ma'qūlāt al-Thāniyah*. Sebagai contoh, konsep "hijau", apabila direnungkan dengan lebih

---

[3] Toshihiko Izutsu, *The Concept and Reality of Existence* (Petaling Jaya: Islamic Book Trust, Petaling Jaya, 2007), pp. 128-129.

mendalam, menghasilkan konsep “kesejagatan/*universality/al-kulliyyah*”. Konsep “kesejagatan” inilah yang dikenali sebagai *al-Ma‘qūlāt al-Thāniyah.*

Dalam perkataan lain, *al-Maqūlāt* ialah konsep-konsep asas yang terhasil sebagai produk daripada kegiatan semula jadi akal untuk memahami binaan dan tabiat kewujudan segala perkara yang mumkin. Justeru, daripada penerangan yang diberikan, dapatlah diberikan takrif *al-Maqūlāt* secara teknikal sebagai;

> “Gambaran (konsep) – yakni makna-makna – yang universal bagi segala sesuatu yang didapatkannya oleh akal secara langsung daripada alam nyata dan membentuk kerangka-kerangka tapak bagi pengetahuan, maka ianya (makna-makna tersebut) ialah tabiat-tabiat semula jadi objek-objek cerapan yang ditanggap sebagaimana ia sememangnya.”
>
> *(Al-ṣuwar – al-ma‘ānī – al-kulliyyah li al-ashyā’ allatī yatalaqqāhā al-dhihn mubāsharatan min al-khārij wa tushakkilu al-qawālib al-badīhīyyah li al-ma‘rifah, fa hiya ṭabā’i‘ al-mafhūmāt al-mutaṣawwarah min haythu hiya hiya).*[4]

Justeru, berlandaskan skema ringkas yang digambarkan di atas, beberapa kategori yang didapati daripadanya adalah: *jahwar (substance)* dan *‘araḍ (accident).* Dan *‘araḍ* pula terbahagi seperti berikut: *Kamm (quantity), Kayfi (quality), Iḍāfah (relation), Ayni (place), Matā (time/duration), Milki (state/possessive), Waḍ‘i (position), Fi‘li (action),* dan *Infi‘āl (affection).*

Demikianlah matan ini terkandung dalam mauduknya ilmu *Al-Maqūlāt,* bagi mengkaji segala sesuatu yang wujud yang mumkin.

---

4 Muhammad Abi ʿUlyan as-Syafie, *Ta‘rīf al-Maqūlāt* (Amman: Daru Nurul Mubin, 2016), p. 9. Dengan sedikit penambahan disertakan bagi menggambarkan maksud yang lebih menyeluruh.

KHATIMAH

Para ulama' telah berselisih pendapat dalam membicarakan soal ilmu. Apakah keadaan yang boleh menerangkan kejadian ilmu yang ada pada seseorang ketika dia sedang mengetahui ilmu tersebut?

Para muhaqqiqun telah berpendapat bahawa keadaan ilmu pada seseorang itu ialah *Maqūlat al-Kayfi.* Ini kerana wujudnya rupa *(ṣūrah/impression)* objek yang sedang diketahui itu pada jiwa.

Sesetengah ulama' lain pula mengatakan ianya ialah *Maqūlat al-Infi'āl* kerana jiwa yang sedang mengetahui itu sedang menerima bekas daripada objek ilmu tersebut. Dan bekas yang sedang dikenakan ke atas jiwa ialah rupa objek ilmu tersebut.

Manakala ulama' ahli usul pula berpendapat bahawa kejadian ilmu dan hubungannya dengan jiwa tersebut ialah *Maqūlāt Iḍāfah.* Ini kerana tidaklah dikatakan ilmu itu melainkan objek pengetahuan tersebut diadukan kepada jiwa secara lazim. Tulisan yang terdapat dalam helaian kertas tidak dipanggil sebagai ilmu selagi mana ia tidak diketahui oleh jiwa.

Walau bagaimanapun, perselisihan pendapat ini hanya membahaskan kejadian ilmu ketika proses mengetahui sedang berlaku sahaja. Adapun ketika ilmu tersebut sudah selesai diketahui dan menjadi sebahagian daripada jiwa, ianya ialah Maqūlat Kayfi Nafsāniyyah Malakah. Contohnya seperti pengetahuan teoretikal dan praktikal yang sudah sebati dalam diri seseorang walaupun ketika dia tidak mengamalkannya. Wallāhu a'lam.

Inilah penghujung risalah matan ini. *Wallāhu ta'ālā a'lamu bi al-ṣawāb.*

ALHAMDULILLAH

Dengan iradah, hidayah dan taufik-Nya usaha penterjemahan dan pengulasan *Matan Naẓm al-Maqūlāt* ini dapat disempurnakan dengan baik. Semulia-mulia penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat mengusahakan dan membantu menjayakan usaha terjemahan dan ulasan matan ini, khususnya buat saudara Ahmad Syaibani Ramli yang tekun memandu kefahaman saya dalam menyantuni matan ini. Selain itu, buat saudari Nur Fahimah Rosli yang menjadi kanan tangan dan rakan sepengkajian saya dalam usaha penyuntingan teks sasaran ini.

Inilah secebis usaha yang kerdil untuk mengimarahkan dunia keilmuan, mengkayakan pengetahuan, dan membina kemanusiaan. Moga ia menjadi salah satu pintu bagi para pencinta ilmu untuk memahami khazanah ilmu yang ditinggalkan oleh para ilmuwan terdahulu.

Moga ia juga menjadi penyambung amalan dalam kehidupan yang seterusnya, ketika semua amal tidak lagi boleh diusahakan. Hanya yang tinggal cumalah hasil yang dituai di dunia kini. Insha-Allah.

Alwi Radhiah
20 Julai 2016
3 Syawal 1437
Baling, Kedah

RUJUKAN

Al-Attas, S. A. (2009). *A Guide to Philosophy*. Selangor: Pelanduk Publications.

Al-Attas, S. M. (1995). *Prolegomena to The Metaphysics of Islam.* Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.

Al-Fathani, A. Q. (1952). *Mabda' al-Fikrah fī al-Maqūlāt al-ʿAsharah.* Makkah.

Al-Fathani, S. A. (2014). *Syarah Bakurah al-Amani.* Kuala Lumpur: Al-Hidayah House of Publishers.

Al-Razi, Q. a.-D. (2012). *Sharḥ al-Maṭāli'*. Qum: Manshurat Dhawil Qurba.

Al-Syafi'i, M. A. (2016). *Ta'rīf al-Maqūlāt.* Amman: Daru Nurul Mubin.

Al-Syuja'i, S. A. (1971). *Al-Jawāhir al-Muntaẓimāt fi 'Uqūd al-Maqūlāt (al-Ḥāshiah al-Thāniah).* Kaherah: Sharikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Hilbi wa Auladahu.

Al-Taftazani, S. a.-D. (19121). *Matan Tahdhīb al-Manṭiq wa alKalām.* Kaherah: Matba'ah as-Sa'adah.

Aristotle. (1991). The Categories. In A. B. Schoedinger, *Introduction to Metaphysics: The Fundamental Questions* (pp. 17-23). New York: Prometheus Books.

Izutsu, T. (2007). *The Concept and Reality of Existence.* Petaling Jaya: Islamic Book Trust.

Rushd, A. a.-W. (1992). *Naṣ Talkhīṣ Manṭiq Arisṭū (al-Mujallad al-Thānī: Kitāb al-Qaṭighūriyās au Kitāb al-Maqūlāt)*. Beirut: Darul Fikri al-Banani.

Vella, J. A. (2008). *Aristotle: A Guide for The Perplexed*. New York: Continuum International Publishing Group.

BIODATA PENTERJEMAH



Nama sebenar penterjemah ialah Muhammad Yusra bin Ahmad Hulaimi. Kelahiran Kuala Lumpur. Mendapat pendidikan di SMKA Maahad Hamidiah Kajang pada tahun 2007-2011. Kemudian menempa pengalaman di Darul Quran JAKIM dan kini sedang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam jurusan Usuluddin dan Perbandingan Agama.

Baytul
Hikma™

Segala puji bagi Allah yang mengajarkan,
Ilmu hikmah bagi para cendekiawan;
Sesungguhnya maqulat itu bersepuluhan,
Seperti jauhar dan arad bagi insan.

– Alwi Radhiah

Baytul Hikma

ISBN 978-967-13826-5-3

9 789671 382653